



SOALAN LAZIM (FAQ'S)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA (KKR)

1. Adakah sektor pembinaan tertakluk kepada **Perintah Kawalan Pergerakan (Perintah)** yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri?

Jawapan:

Ya. Ini bermakna semua kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan perlu diberhentikan.

2. Adakah terdapat pengecualian terhadap mana-mana industri pembinaan dan penyenggaraan dari Perintah tersebut?

Jawapan:

Ada iaitu bagi kerja-kerja kritikal.

3. Apakah yang dimaksudkan dengan kerja-kerja kritikal?

Jawapan:

Kerja-kerja kritikal adalah kerja-kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan boleh mendatangkan mara bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran.

4. Apakah contoh kerja-kerja kritikal?

Jawapan:

Contoh kerja-kerja kritikal adalah seperti berikut:

- a) Pembaikan Cerun;
- b) Penampalan *Pothole*;
- c) *Traffic Management Control (TMC)*;
- d) Pemeriksaan berkala lif/ *travelator/ escalator* dan lain-lain peralatan mekanikal dan elektrik yang kritikal;
- e) Pembaikan lif/ *travelator/ escalator* dan lain-lain peralatan mekanikal dan elektrik yang kritikal yang rosak;
- f) Kerja-kerja penyenggaraan di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- g) Kerja-kerja naik taraf fasiliti di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- h) Pembaikan *traffic light*;
- i) Pembinaan *Bailey Bridge* di lokasi jambatan roboh;
- j) Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak; dan
- k) Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya.

5. Bagaimanakah permohonan pengecualian boleh dilakukan?

Jawapan:

Pengecualian tersebut perlulah mendapat syor daripada :

- a) Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek bagi projek-projek Kerajaan
- b) *Resident Engineer / Principle Submitting Person* bagi projek-projek swasta

Selepas mendapat syor, permohonan pengecualian boleh di panjangkan kepada mereka yang mempunyai kuasa untuk memberikan pengecualian berdasarkan kepada bidang kuasa masing-masing:

- a) Ketua Pengarah Kerja Raya;
- b) Pengarah Kerja Raya Sabah;
- c) Pengarah Kerja Raya Sarawak;
- d) Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia;

- e) Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran; dan
- f) Pihak Berkuasa Tempatan atau Pihak Berkuasa Negeri.

6. Adakah kontraktor boleh membuat apa-apa tuntutan kepada Kerajaan terhadap kerugian yang dialami akibat dari pelaksanaan Perintah tersebut?

Jawapan:

Tidak. Kerajaan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kerugian kerana penyebaran wabak ini adalah sesuatu yang di luar kawalan Kerajaan.

7. Adakah projek-projek yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah ini boleh diberi pelanjutan masa?

Jawapan:

la bergantung kepada klausa kontrak yang telah ditandatangani.

8. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Jawapan:

Sekiranya ada sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, boleh hubungi talian *hotline* yang disediakan di 010 5619069 / 011 29220709 (Unit Aduan Industri) CIDB Malaysia, dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang